



## KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

*Ministry of Agriculture and Food Industries*

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : [www.mafi.gov.my](http://www.mafi.gov.my)

### SIARAN MEDIA

#### **KUNJUNG HORMAT MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN TERHADAP YAB PREMIER SARAWAK DAN LAWATAN KERJA RASMI PERKUKUH KERJASAMA PERSEKUTUAN DAN NEGERI**

**KUCHING, 31 MAC 2022** – YB Menteri Pertanian dan Industri Makanan, YB Datuk Seri Dr Ronald Kiandee telah mengadakan kunjungan hormat terhadap YAB Premier Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Abang Openg pada hari ini di Pejabat Premier Sarawak, Wisma Bapa Malaysia, Kuching, Sarawak.

Kunjung hormat ini turut disertai oleh, Timbalan Menteri MAFI, YB Datuk Seri Haji Ahmad Ahmad bin Hamzah, Pengerusi BERNAS merangkap Ahli Parlimen Batang Lupar, YB Dato' Sri Hajah Rohani Karim, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) MAFI, YBhg. Datuk Badrul Hisham Mohd, Ketua Pengarah MARDI, YBhg. Dato Dr Mohammad Zabawi dan Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Perikanan, YBrs En. Mohd Mohtar Mahamud.

YB Dato Sri Dr. Stephen Rundi Anak Utom, Menteri Pemodenan Pertanian dan Pembangunan Wilayah, YB Tuan Maclaine Ben @ Martin Ben, Timbalan Menteri Pemodenan Pertanian dan Pembangunan Wilayah (Pembangunan Wilayah) dan YBhg. Datu Edwin Abit, Setiausaha Tetap Kementerian Pemodenan Pertanian dan Pembangunan Wilayah juga telah sama-sama YB Menteri MAFI dalam kunjung hormat ini.

Perbincangan telah menjurus kepada pelbagai bentuk kerjasama bagi terus memodenkan sektor pertanian di Sarawak sekaligus memajukan sektor agromakanan negara secara keseluruhannya.

Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri berkongsi aspirasi yang sama serta komited untuk terus bekerjasama untuk menggalakkan penggunaan teknologi dalam aktiviti pertanian bagi meningkatkan hasil pengeluaran sekali gus memastikan jaminan bekalan dan sekuriti makanan negara. Ia kerana teknologi merupakan antara langkah penyelesaian bagi menangani isu dan cabaran yang dihadapi oleh sektor agromakanan di peringkat domestik mahupun global.

Turut dibincangkan cadangan penanaman jagung bijian di Bintulu dan Miri dengan kerjasama pihak swasta untuk menangani masalah import negara yang tinggi bagi produk makanan ternakan.

Potensi industri tanaman nanas sebagai produk pertanian bernilai tinggi akan diperluaskan lagi dengan sokongan padu Kerajaan Negeri bagi meningkatkan eksport produk makanan sejajar dengan matlamat Negeri Sarawak sebagai "*net exporter*" produk pertanian menjelang 2030.

Pada masa yang sama, MAFI juga akan memberi perhatian terhadap permohonan Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan untuk terus membantu memperkasakan infrastruktur pertanian di Sarawak, khususnya agromakanan, bagi menarik lebih banyak pelaburan swasta mengusahakan tanah yang luas disini bagi meningkatkan lagi pengeluaran berskala besar produk-produk agromakanan.

Seiring dengan visi untuk membangunkan sektor agromakanan yang mampan, berdaya tahan dan berteknologi tinggi bagi memacu pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan rakyat serta mengutamakan sekuriti makanan dan nutrisi, Kementerian berharap lawatan kerja ini akan dapat memberi impak tinggi dalam terus memperkukuh hubungan dan kerjasama diantara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri terutamanya dalam sektor agromakanan.

YB Menteri Pertanian dan Industri Makanan tiba di Sarawak untuk mengadakan lawatan kerja rasmi selama tiga (3) hari bermula hari ini. Lawatan sulung Dr Ronald ini akan turut menyaksikan beberapa lawatan dan tinjauan ke projek pertanian dibawah seliaan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) serta agensi lain yang berkaitan.

Terdahulu, YB Menteri MAFI telah melawat MARDI Kuching yang memainkan peranan penting dalam menjalankan penyelidikan pertanian dan makanan yang telah dikenalpasti sesuai dan mempunyai kepentingan bagi negeri Sarawak selain memindahkan teknologi-teknologi industri makanan yang terhasil dari pusat-pusat penyelidikan ke negeri Sarawak.

Kementerian akan terus memberikan segala sokongan yang perlu kepada MARDI Sarawak bagi terus membantu usahawan dan golongan sasar dalam membangunkan sektor pertanian dan industri makanan di Sarawak dengan memberi khidmat nasihat, tunjuk ajar serta kajian bagi meningkatkan kualiti serta produktiviti melalui teknologi terkini dan produktif.

Pada hari ini juga, Dr Ronald telah mengadakan sesi Libat Urus bersama pemain industri merentasi semua subsektor agromakanan di Sarawak bagi mendapatkan input, pandangan dan cadangan untuk terus perkukuh industri ini secara mampan. Sesi sebegini diadakan secara bersiri dan berterusan di peringkat negeri-negeri untuk terus memperkukuhkan agenda Sekuriti Makanan Negara.

Segala cadangan dan input daripada pemain industri akan diperhalusi dalam menambah baik dasar dan pelan tindakan seiring dengan peranan Kementerian ini untuk mentransformasikan sektor pertanian ke arah yang lebih moden, dinamik dan berdaya saing sekaligus mempertingkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada golongan sasar.

Dr Ronald juga telah mengadakan perjumpaan dengan pegawai-pegawai kanan jabatan agensi di bawah MAFI disini termasuk Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM), Jabatan Perikanan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Pertanian serta Agrobank bagi mendapatkan taklimat berkenaan kemajuan pelaksanaan projek, program dan inisiatif MAFI di Sarawak.

Untuk rekod, Kerajaan melalui MAFI telah memperuntukkan lebih RM150 juta kepada Negeri Sarawak melalui Jabatan dan Agensi MAFI untuk melaksanakan pelbagai projek, program dan inisiatif merentasi semua subsektor termasuk padi dan beras, perikanan, tanaman dan ternakan. Daripada jumlah ini, RM53.8 juta diperuntukkan tahun ini untuk melaksanakan Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP), Skim Subsidi Insentif Padi (SIPP), Skim Subsidi Harga Padi (SSHP) dan Skim Baja Dan Racun Padi Bukit / Huma (SBRPB).

Dr Ronald juga akan mengadakan lawatan ke Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Batang Lupar, tinjauan ke tapak penanaman padi program SMART Sawah Berskala Besar di Stumbin dan Tanjung Bijat, Sri Aman dan *Walkabout* di Medan Niaga Satok yang dikendalikan oleh FAMA bagi meninjau operasi pasar dan pemasaran.

Lawatan kerja ini dilihat sangat penting untuk sektor agromakanan negara selaras dengan perancangan dan hala tuju MAFI menerusi Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0). Selain itu, ia juga menyediakan platform kepada Kerajaan Negeri, Pengurusan Tertinggi MAFI, kumpulan sasar Kementerian dan pemain industri bagi membincangkan pendekatan yang dapat terus menyumbang kepada peningkatan hasil pengeluaran pertanian dan seterusnya memperkukuh sekuriti makanan negara.

**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**  
**31 MAC 2022**